

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT DAMANSARA, KUALA LUMPUR
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM KELUARGA BAHAGIA PIBG
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT DAMANSARA
19 MEI 1991

Yang Berusaha Pengerusi Majlis; Yang Berusaha Tuan Haji Ghazi bin Ramli, Yang Di-Pertua PIBG, Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara; Yang Berusaha Puan Hajjah Hendon Shamsuddin, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian serta murid-murid yang dikasihi sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di pagi yang berbahagia ini kita dapat bersama-sama hadir di satu majlis yang amat penting dalam aspek pembangunan insane atau pembangunan manusia itu sendiri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara ini kerana berjaya menganjurkan satu program baru yang simbolik sifatnya, dan menyentuh secara langsung aspek keluarga bahagia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Kehidupan manusia dari awal-awal lagi memerlukan keluarga. Keluarga dianggap sebagai satu institusi masyarakat yang tertua di dunia. Namun dalam suasana hari ini yang semakin canggih, di mana kemajuan dan perubahan sentiasa berlaku dalam masyarakat, sudah ada ciri-ciri yang menunjukkan bahawa institusi kekeluargaan ini sedang tergugat dan terancam. Dalam banyak hal, institusi keluarga tidak lagi begitu mantap. Inilah sebabnya kita dapati berlaku anak-anak yang tidak menghormati ibubapa, kadar penceraian yang tinggi dan lain-lain perkara yang bertentangan dengan norma-norma hidup manusia. Tetapi alhamdulillah kita di Malaysia suasana hubungan keluarga yang harmoni masih wujud dan terus terjalin. Bahkan saya yakin keluarga akan menjadi satu institusi yang tetap penting dalam masyarakat negara ini.

3. Walau bagaimanapun, memandangkan perkembangan dalam masyarakat hari ini, kita tidak boleh mengambil sikap mudah terhadap usaha-usaha memantapkan lagi institusi keluarga. Ini memandangkan masyarakat sekarang sentiasa terancam oleh nilai-nilai negatif yang boleh meruntuh institusi keluarga. Oleh yang demikian, kita perlu memikir dan melaksanakan beberapa program yang menyentuh secara langsung soal membina dan mengukuhkan institusi keluarga di negara ini. Dalam hal ini, saya sungguh tertarik hati dengan objektif utama program ini, iaitu membina masyarakat penyayang.

4. Seperti yang kita sedia maklum, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang atau "caring society". Tidak ada gunanya kita mencapai kemajuan dan pembangunan yang tinggi, jika kita gagal memupuk masyarakat penyayang di kalangan rakyat negara ini. Kalau kita mahu membina masyarakat penyayang, sebagaimana yang kita laung- laungkan selama ini, ianya mestilah bermula dahulu dalam diri kita sendiri. Ianya kemudian dipanjangkan kepada keluarga kita, di sekolah-sekolah, institusi-institusi kemasyarakatan dan lain-lain organisasi. Semua usaha perlulah dilakukan secara sedar dan bertanggungjawab dan hendaklah dilakukan tanpa ragu-ragu. Saya yakin jika kita berjaya memupuk semangat masyarakat penyayang di kalangan rakyat peristiwa-peristiwa buruk seperti penderaan kanak- kanak, penderaan isteri dan penganiayaan terhadap wanita tidak akan berlaku.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Dalam usaha membina masyarakat penyayang ini adalah penting juga kita memberi layanan kasih sayang kepada anak- anak, isteri dan suami serta jiran-jiran yang memerlukan bantuan. Dalam konteks Islam, Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad s.a.w. juga menekankan soal kasih sayang, terutama kepada anak-anak, isteri dan keluarga serta jiran. Inilah aspek kebahagiaan yang penting yang harus diberikan keutamaan dalam masyarakat kita yang kompleks ini. Saya secara peribadi akan terus memberi sokongan kepada aktiviti- aktiviti dan program-program seumpama ini bagi memastikan generasi kita yang akan datang terdiri daripada golongan yang sentiasa mengambil berat kepada institusi keluarga.

6. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan ini dan berharap program ini akan memberi manfaat kepada semua yang terlibat. Kepada pihak swasta yang menjadi penaja-penaja program ini, saya menganggap perkhidmatan tuan-tuan adalah merupakan perkhidmatan masyarakat. Kepada syarikat-syarikat berkenaan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

7. Sekian, selamat maju jaya dan didoakan Tuan-tuan dan Puan-puan sentiasa bahagia sepanjang hayat.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.